

## *BAB KEDUA*

## BAB KEDUA

# I'JĀZ AL-QURAN (إِعْجَازُ الْقُرْآنِ) DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA.

### 2.0 Pendahuluan

Di dalam bab kedua penulis akan membincangkan konsep I'jāz al-Quran. Ini memandangkan analisis yang akan dilakukan mempunyai kaitan yang rapat dengan I'jāz al-Quran. Perbincangan akan melibatkan definisi I'jāz al-Quran dari segi bahasa dan istilah, sejarah perkembangan ilmu I'jāz al-Quran serta bidang-bidang I'jāz al-Quran. Bidang bahasa merupakan fokus perbincangan kerana kajian ini melibatkan analisis terhadap gaya bahasa al-Quran.

### 2.1 Definisi al-I'jāz dari segi bahasa.

Al-I'jāz (الإِعْجَازُ) adalah lafaz masdar (kata terbitan) dari kata kerja kala lampau a'jaza (أَعْجَزَ) yang diambil dari kata dasar a'jaza (عَجَزَ). Perkataan (عَجَزَ) mempunyai beberapa makna dengan merujuk kepada kamus-kamus Arab yang utama (Ibn Manẓūr: 1990: jld 5: 368-373 / al-Jauharīy: t.t jld: 1: 880-881 / al-Zubaidīy: 1996 :jld 4: 48-52 / Ibn Sīdah: 1996 :jld 1: 44 / Fairuz al-Abādīy: 200

:jld 2: 187-188). Makna-makna tersebut bermaksud lemah (الضعف), yang menjadi lawan kepada perkataan kuat (نَقِيضُ الْحَزْمِ), belakang atau terkemudian (مُؤَخَّرُ الشَّيْءِ).

Al-Rāghib al-Aṣḥāḥīy (1999:323) menyatakan asal perkataan ini bermakna perkara yang di belakang itu kemudian digunakan untuk makna lemah kerana perkara yang dibelakang itu dilihat sebagai sesuatu yang lemah.

Ṣalāḥ al-Khālidiy (1996:20) berpendapat perkataan ini juga dari sudut bahasa bermakna kuat berdasarkan kepada penggunaan seperti ayat إِعْجَازُ الْإِبِلِ (belakang unta) إِعْجَازُ النَّحْلِ (akar pokok) yang merujuk kepada makna kuat.

Justeru itu, Ṣalāḥ al-Khālidiy ( 1996: 20) berpendapat perkataan ini dari segi bahasa mempunyai dua makna yang berlawanan, iaitu lemah dan kuat. Kedua-dua makna yang berlawanan ini apabila dikaitkan dengan al-Quran dapat disimpulkan bahawa al-Quran yang kuat dapat melemahkan sesuatu yang kuat juga.

## 2.2 Definisi l'jaz al-Quran dari segi istilah

Terdapat pelbagai ungkapan definisi yang diberikan oleh para ulamak antaranya ialah:

1. Suatu ilmu yang menerangkan tentang bagaimana sifat al-Quran yang melemahkan dan mencabar makhluk-makhluk Allah yang lain untuk mendatangkan sesuatu yang seperti (al-Zarqānīy: 1998: jld: 2: 573).
2. Mensabitkan atau menyatakan kelemahan manusia secara berasingan atau berkumpul untuk mendatangkan sesuatu yang seperti al-Quran (al-Ṣābūnīy: 1970: 91).
3. Menzahirkan kebenaran Rasulullah s.a.w. dalam membawa risalah Islam dengan menyatakan kelemahan orang-orang Arab untuk mencabar keunikan al-Quran (Mannā' al-Qaṭan: 1378h: 126).
4. Keunikan al-Quran yang melemahkan mereka yang ingin mendatangkan yang seperti (Faḍl Abbās: 1991: 28).

Takrif-takrif di atas menjelaskan bahawa i'jāz al-Quran ialah suatu ilmu yang membincangkan tentang sifat ketinggian dan kelebihan al-Quran dari segala aspek samada aspek bahasa, sains dan lain-lain. Ketinggian dan kelebihan tersebut telah melemahkan musuh-musuh Islam yang ingin mencela, menghina dan meragui kebenaran al-Quran. Bagi membuktikan ketinggian dan kelebihan tersebut, al-Quran mencabar musuh-musuh Islam yang tidak mempercayai kebenaran al-Quran agar mendatangkan ayat-ayat dan keterangan-keterangan seperti al-Quran. Cabaran al-Quran ini ditujukan kepada sesiapa sahaja samada secara perseorangan atau berkumpul. Cabaran al-Quran ini telah membuktikan kebenarannya, dan dalam masa yang sama menguatkan kebenaran perutusan Nabi Muhammad s.a.w sebagai Rasul yang diturunkan kepadanya al-Quran al-Karim.



Berdasarkan definisi-definisi di atas penulis menyimpulkan ia sebagai suatu ilmu yang membincangkan tentang kelebihan dan ketinggian al-Quran dari pelbagai aspek yang dapat melemahkan segala cabaran yang mencabar kebenaran al-Quran khasnya dan Islam umumnya dengan mencipta sesuatu yang seperti al-Quran dan seterusnya membuktikan kebenaran kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

Penulis berpendapat definisi-definisi tersebut merujuk kepada dua konteks utama :

1. Cabaran al-Quran terhadap golongan yang menentang kebenarannya supaya mendatangkan ayat-ayat seperti al-Quran. Al-Quran yang turun dari Tuhan yang maha berkuasa hakikatnya menjangkau kemampuan manusia. Ini jelas dilihat dari kegagalan orang-orang Arab yang mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam bidang bahasa dan retorik Arab untuk mengadakan ayat-ayat seperti al-Quran. Cabaran al-Quran terhadap mereka melalui tiga peringkat yang berikut:

Pertama : Mendatangkan al-Quran secara keseluruhan.

Kedua : Mendatangkan sebanyak sepuluh surah.

Ketiga : Mendatangkan satu surah al-Quran sahaja.

Ini tidak bermakna mereka boleh mencabar dalam satu ayat atau sepuluh ayat al-Quran. Penulis melihat tujuan al-Quran mencabar dalam kuantiti yang banyak adalah untuk memerangi psikologi masyarakat Arab ketika itu yang pada

hakikatnya satu ayat pun mereka tidak mampu untuk mengadakan seperti al-Quran.

2. Keindahan, keunikan dan keterangan al-Quran yang merujuk kepada pelbagai bidang dan aspek samada bahasa, sains, perubatan, geografi dan lain lain yang melampaui pemikiran manusia, bahkan itulah janji Tuhan yang akan menunjukkan kekuasaannya dari segala kejadiannya. Firman Allah s.w.t :

سَنُرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ  
أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

*Maksudnya : "Kami akan menampakkan kepada kamu tanda tanda kekuasaan Kami di segenap ufuk dan pada diri kamu sendiri sehingga nyatalah bagi kamu bahawa Dialah yang maha benar, dan apakah Tuhanmu tidak cukup bagimu bahawa Dia menyaksikan segala sesuatu"(Surah Fuṣṣilat : 53).*

Di samping itu, penulis juga berpendapat istilah "l'jāz " perlu digunapakai dalam semua bahasa, Ini kerana istilah perkataan tersebut mempunyai makna yang sangat luas dan apabila diistilahkan mengikut bahasa yang tertentu, ia akan mengurangkan makna yang terkandung dalam istilah tersebut. Contohnya dalam bahasa Inggeris ia diistilahkan dengan "inimitability" atau "miracle" (J.G. Hava: 1982: 455 ) dan istilah tersebut mengurangkan makna yang terdapat dalam istilah l'jāz tersebut.

## 2.3 Sejarah perkembangan ilmu l'jāz al-Quran

Secara umum, perkembangan ilmu l'jāz al-Quran dapat dibahagikan kepada lima peringkat perkembangan yang berikut:

### 1. Peringkat pertama:

Peringkat ini merujuk kepada zaman awal Islam sehingga kurun kedua hijrah di mana di peringkat ini belum terdapat sebarang keterangan yang jelas berhubung dengan ilmu ini. Ketinggian dan keunikan al-Quran wujud secara perasaan atau zauq ذوق dan belum dizahirkan secara penulisan, istilah dan lain lain. "Zauq adalah pengukur sebenar kepada keunikan al-Quran. Ia merupakan perasaan semulajadi yang dapat merasai ketinggian sesuatu bahasa" (Ṣalāḥ al-Khālidiy: 1996: 98).

### 2. Peringkat kedua:

Kurun kedua dan ketiga hijrah menyaksikan lahirnya beberapa tokoh yang memberikan isyarat awal berhubung ilmu ini di dalam penulisan mereka. "Dua tokoh yang terawal yang memberikan sumbangan mereka ialah Abu Ubaidah (wafat 213H) melalui bukunya "Majāz al-Quran" dan al-Farrā' (wafat 160H) dalam bukunya "Ma'ānī al-Quran" (Faḍl A'bbās:1991:37). Namun begitu, buku-buku ini lebih menjurus kepada perbahasan tentang retorik Arab dan dihubungkan dengan

al-Quran secara tidak langsung. Tidak dinafikan bahawa perkembangan retorik Arab dan l'jāz al-Quran adalah selari dan saling berhubungan.

"Seterusnya muncul al-Jāhiz (wafat 255H) dan gurunya al-Nazm yang memberi isyarat lebih jelas berhubung ilmu ini" (Faḍl A'bbās: 1991: 40). Al-Jāhiz membincangkan tentang *al-ṣarfah*, iaitu bagaimana al-Quran mengekang masyarakat Arab yang kufur dari mendatangkan sesuatu yang menyamai al-Quran. Beliau juga menjelaskan tentang keunikan al-Bayān al-Quranī seperti yang terkandung di dalam bukunya "al-Bayān Wa al-Tabyīn". Justeru itu, teori berhubung l'jāz al-Quran telahpun dibincangkan sungguhpun penggunaanya masih belum begitu jelas.

### 3. Peringkat ketiga:

Penggunaan istilah l'jāz al-Quran mula digunakan dengan munculnya dua penulisan yang berbentuk risalah (lebih kurang 40 hingga 50 halaman sahaja ), iaitu "al-Nukat fi l'jāz al-Quran" yang ditulis oleh al-Rummānīy (wafat 384H) dan "Bayan l'jāz al-Quran" yang ditulis oleh al-Khiṭābīy. Tajuk risalah yang menggunakan perkataan l'jāz mengisytiharkan kepada kita tentang wujudnya istilah tersebut.

Perbincangan yang diketengahkan dalam kedua-dua risalah tersebut lebih menjurus kepada bidang Balaghah Arab, contohnya Risālah al-Rummānīy yang terdiri dari 40 halaman, di mana 35 halaman daripadanya membincangkan tentang retorik Arab.

Ṣalāh al-Khālidiy (1996: 29) menyatakan "Orang yang pertama menggunakan istilah ini ialah Muhammad bin Yazīd al-Wāsiṭiy ( wafat 306H)". "Tetapi buku tersebut tidak dapat dikesan kewujudannya kecuali isyarat-isyarat yang diterima dari para penulis selepasnya" (Fadl A'bbās: 1991: 41).

#### **4. Peringkat keempat:**

Peringkat ni menyaksikan munculnya penulisan-penulisan yang lebih besar yang berbentuk buku, antaranya buku "I'jāz al-Quran" oleh Abu Bakar al-Bāqilānī (wafat 413H). Buku ini menampakkan sedikit perkembangan berhubung bidang I'jaz tetapi masih terikat dengan Balaghat Arab khususnya di dalam ilmu al-Badī'.

Mengapakah para penulis di peringkat ini tidak membincangkan dengan mendalam tentang I'jāz di dalam bidang sains, perubatan dan lain lain sedangkan di peringkat ini perkembangan ilmu tersebut pesat berkembang?

Penulis berpendapat fenomena ini berlaku merujuk kepada cabaran yang diterima oleh al-Quran adalah lebih ketara dalam bidang bahasa dan retorik. Justeru itu, para penulis yang menulis untuk memberi khidmat dan membela ketinggian al-Quran juga akan lebih cenderung kepada aspek tersebut. Kalau dilihat kepada zaman kini, cabaran lebih tertumpu di dalam bidang sains dan teknologi, kerana itulah penulisan di zaman kini lebih menekankan aspek tersebut.

Antara buku-buku lain yang terkenal yang muncul di peringkat ini ialah "Dalā'il al-l'jāz" oleh Abdul Qāhir al-Jurjānīy (wafat 471H). Buku ini dianggap kemuncak di dalam penulisan retorik Arab dan l'jāz al-Quran. Abdul Qāhir al-Jurjānīy telah mencetuskan teori al-Naẓm yang disimpulkan secara deduktif daripada penggunaan al-Quran yang akhirnya berjaya mencungkil keunikan al-Quran seterusnya teori ini dipraktikan oleh al-Zamakhshariy dalam tafsirnya al-Kasasyāf.

## 5. Peringkat kelima:

Peringkat ini adalah peringkat di zaman moden selepas peringkat keempat yang lebih menekankan aspek Balaghat. Peringkat ini lebih komprehensif di mana l'jāz cuba dikupas dari pelbagai bidang ilmu khususnya bidang sains selari dengan keadaan semasa yang lebih cenderung kepada sains dan teknologi di samping bidang-bidang konservertif yang lain di mana bidang tersebut berkembang dan diperluaskan.

Penulisan di peringkat ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama: penulisan umum, iaitu membincangkan tentang l'jāz dari semua bidang ilmu, contohnya, Mutawalliyy al-Sya'rāwīy dalam bukunya "l'jāz al-Quran". Kedua: penulisan khusus, iaitu fokus diberikan kepada sesuatu bidang sahaja, umpamanya l'jāz dari segi perubatan, geografi dan lain lain.

Dalam peringkat ini, lahir juga beberapa penemuan baru l'jāz umpamanya, al-l'jāz al-a'dadiy, al-l'jāz al-nafsiy dan lain lain.

Penulisan di peringkat ini tidak terhad kepada penulis-penulis Arab sahaja bahkan juga penulis-penulis lain dalam pelbagai bahasa. Tambahan dari itu, lahir juga penulis-penulis orientalis yang membincangkan tajuk l'jāz al-Quran.

## 2.4 Jenis-jenis l'jāz.

Jenis-jenis l'jāz telah mencapai tahap yang begitu luas, yang meliputi pelbagai bidang. Al-Suyūṭī (1998:26) menyatakan bahawa terdapat lebih dari tiga puluh bidang l'jāz al-Quran, apatah lagi di zaman kini yang mana pelbagai usaha dan kajian dijalankan bagi mengenalpasti unsur-unsur yang lain khususnya dalam perbincangan sains dan teknologi. Berikut dibincangkan secara ringkas berhubung jenis-jenis tersebut dengan memberi penekanan kepada bidang l'jāz bahasa.

### 2.4.1 l'jāz Bahasa (الإِعْجَازُ اللُّغَوِيُّ)

Sesungguhnya l'jāz bahasa merupakan antara l'jāz yang pertama yang dikenalpasti. Ini kerana al-Quran diturunkan ke atas masyarakat Arab yang amat menitikberatkan persoalan bahasa dan kesusasteraan. Justeru itu, aspek ini menjadi bidang yang utama bagi membincangkan l'jāz al-Quran. Antara aspek penting dalam l'jāz bahasa ialah:

#### Pertama: Dari konteks ilmu al-Bayān

Ini melibatkan gambaran al-Quran yang berbentuk perumpamaan, metafora, peribahasa dan simpulan bahasa, di mana unsur tersebut mempunyai

nilai-nilai yang cukup tinggi di dalam bahasa Arab. Contohnya, perumpamaan di dalam al-Quran yang mempunyai ciri-ciri realiti suasana, tujuan yang jelas, pemilihan perkataan yang tepat dan mendalam dan bukan suatu khayalan semata (Mohd Ali Abu Hamdah :1990: 56), umpamanya dalam ayat berikut :

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالَهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمَانُ مَاءً فَإِذَا جَاءَهُ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا...

*Maksudnya : "Dan orang orang kafir itu amalan mereka seperti fatamorgana di padang pasir yang mana orang dahaga akan menganggapnya air tetapi apabila mereka datang ke situ tiada apa yang mereka dapati" (al-Nūr : 39).*

Dalam ayat ini, al-Quran mengumpamakan amalan-amalan yang dilakukan oleh orang-orang kafir seperti fatamorgana, iaitu suatu fenomena yang berlaku di padang pasir atau jalanraya ketika panas terik. Orang yang menempuh jalan tersebut seolah-olah melihat seperti ada air di hujung pandangannya, tetapi apabila ia tiba di situ air tersebut sebenarnya tidak ada. Begitulah amalan-amalan orang-orang kafir yang dilihat seolah-olah ada pahala dan ganjaran yang akan diperolehi tetapi sebenarnya tidak.

Perumpamaan ini melibatkan sesuatu yang realiti, iaitu fatamorgana yang sering terdapat di padang pasir adalah perumpamaan yang mempunyai tujuan yang jelas dan perkataan yang dipilih seperti سَرَاب sangat tepat dan mendalam di samping ia bukan satu khayalan yang tidak bermakna dan sia- sia.



## Kedua: Dari konteks ilmu al-Badī'

Ilmu Badī' adalah salah satu cabang dari retorik Arab. Ia merujuk kepada satu ilmu yang membincangkan tentang keindahan ayat, atau perkataan dari segi fizikal seperti saja' (سَجْع), Jinās (جِنَاس) dan lain-lain.

Keunikan al-Quran dalam konteks ini ialah keindahan fizikal ayat-ayat yang mempunyai hubungkait dengan makna yang terkandung di dalamnya (Faḍl Abbās: 1991: 222). Dengan erti kata lain, keindahannya bukan semata-mata dari segi fizikal bahkan ia mempunyai makna yang tersirat yang ingin disampaikan.

Contoh yang jelas dalam konteks ini ialah akhiran al-Quran (الْفَاصِلَةُ الْقُرْآنِيَّةُ).

Al-Fāsilat al-Qurāniyyat ialah yang merujuk kepada ungkapan di akhir setiap ayat al-Quran. Dalam syair Arab ia diistilahkan sebagai al-Qafiah dan antara keduanya terdapat perbezaan, khususnya dari segi makna.

Al-fāsilat dalam al-Quran adalah antara unsur l'jāz yang jelas dan penting di mana ia tidak bertujuan semata-mata untuk kecantikan dari segi fizikal bahkan juga melibatkan makna. Contohnya dalam ayat-ayat berikut:

أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ

Maksudnya : "Ketahuilah mereka itulah golongan perosak tetapi mereka tidak menyedarinya (Surah al-Baqarat : 12).

أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السَّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya : "Ketahuilah mereka itulah golongan yang bodoh tetapi mereka tidak mengetahuinya" (Surah al-Baqarat : 13).

Ayat pertama diakhiri dengan يَشْعُرُونَ dan ayat kedua diakhiri dengan

يَعْلَمُونَ . Ia bukanlah bertujuan untuk kecantikan pengakhiran ayat dengan huruf

yang sama semata-mata. Sesungguhnya terdapat makna yang mendalam yang ingin disampaikan di mana ayat pertama menceritakan tentang orang-orang yang melampaui batas, manakala ayat kedua menceritakan tentang orang-orang yang jahil. Orang-orang yang melampaui batas kerap kali alpa dengan kezaliman yang dilakukan sehingga mereka tidak sedar akan kedangkalan perbuatan mereka itu. Begitu juga orang-orang yang jahil seringkali alpa akan kejahilan mereka lantaran sifat kufur, sombong dan bongkak (Faḍl A'bbās: 1991: 225)

### Ketiga: Perkataan-perkataan al-Quran

Perkataan-perkataan al-Quran adalah tepat dan terpilih, namun bagi menyatakan ketinggian hanya ذَوْقٌ atau citarasa berbahasa yang tinggi sahaja dapat membuktikannya (Faḍl A'bbās:1991:163). Diriwayatkan seorang Arab badwi yang mempunyai kefasihan bahasa yang semulajadi telah mendengar seorang lelaki membaca perkataan كُفِرَ dalam ayat berikut:

تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا جَزَاءٌ لِمَنْ كَانَ كُفِرَ

Maksudnya: "Yang belayar dengan pemeliharaan Kami sebagai balasan bagi orang-orang yang diingkari" (Surah al-Qamar: 14).

Lelaki itu membaca dengan كَفَرٌ yakni huruf kaf dibaca dengan baris atas.

Apabila bacaan tersebut didengari oleh Arab Badwi tersebut lantas ia berkata "bacaan itu tidak tepat". Apabila dibaca huruf kaf dengan baris hadapan barulah Arab Badwi itu berkata " ini bacaan yang tepat" (Al-Jāhiz: t.t: jld: 2: 327).

Antara unsur l'jāz yang dapat diketengahkan secara tulisan ialah wujudnya di dalam al-Quran perkataan-perkataan sinonim tetapi mempunyai makna dan pendekatan yang berlainan yang dibuktikan oleh al-Quran sendiri melalui penggunaan perkataan tersebut secara menyeluruh. Antara contohnya perkataan

فَعَلَ dan عَمِلَ ( Faḍl A'bbās:1991:174) di mana perkataan ini terdapat lebih dari

seratus kali di dalam al-Quran dan apabila dijalankan analisis terhadap kesemua ayat-ayat didapati penggunaan فَعَلَ menunjukkan perbuatan yang tidak

berkekalan berbeza dengan عَمِلَ di mana ia digunakan untuk perbuatan yang

berterusan, seperti contoh dalam dua ayat berikut :

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ

Maksudnya : tidakkah kamu melihat bagaimana Tuhanmu lakukan terhadap tentera bergajah (Surah al-Fil : 1).

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ...

*Maksudnya : Sesungguhnya mereka yang beriman dan beramal soleh...*

*(Surah al-Tīn :5)*

Tindakan Tuhan terhadap tentera bergajah seperti yang diterangkan dalam surah al-Fīl adalah sekali sahaja, yakni azab yang diturunkan ke atas tentera Abrahah itu tidak berlaku berterusan dan berpanjangan. Manakala amalan soleh seperti yang dinyatakan dalam surah al-Tīn memerlukan perlakuan yang berterusan.

Begitulah perkataan-perkataan lain seperti أَرْسَلَ dan بَعَثَ yang bermaksud utus. الْخَوْفُ dan الْحَشْيَةُ yang bermaksud takut (Abdul A'zīm Ibrāhīm: 1996:30).

Aspek inilah yang menjadikan al-Quran dan setiap unsur di dalamnya tidak sia-sia bahkan ada rahsia dan keunikannya.

Antara unsur lain ialah penggunaan perkataan yang hampir sama maknanya di tempat yang hampir sama keadaannya. Contohnya perkataan قَذَفَ dan أَلْقَى (Fadl A'bbas:1991:184) di dalam ayat berikut :

سَأَلْنِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ...

*Maksudnya : Dan (Aku) akan melontarkan ke dalam jiwa mereka perasaan takut...(surah al-Anfal : 12).*

وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ...

*Maksudnya : Dan Dia melontarkan ke dalam jiwa mereka perasaan ketakutan...(Surah al-Hasyr : 2)*

Kedua-dua perkataan tersebut yang bermaksud lontar digunakan oleh al-Quran dalam suasana peperangan, iaitu dilontarkan perasaan takut ke dalam jiwa orang-orang kafir di dalam peperangan. Apakah tujuan penggunaan perkataan yang sama dalam suasana yang sama?. Apabila dikaji didapati bahawa dua perkataan tersebut dari perspektif bahasa Arab mempunyai semantik yang agak berbeza di mana **قَذَفَ** adalah lontaran yang biasa manakala **أَلْفَى** adalah lontaran yang lebih kuat" (Fadl A'bbās:1991: 184-185). Ayat pertama merujuk kepada peperangan Badar di mana peperangan itu tidak melibatkan sebarang kubu yang memerlukan lontaran yang kuat, sebaliknya ayat yang kedua merujuk kepada peperangan dengan Bani al-Nadīr yang mempunyai kubu, yang lebih sesuai digunakan perkataan **قَذَفَ**.

Penggunaan partikel (حَرْفُ) yang berlainan untuk kata kerja yang sama adalah antara unsur l'jāz yang terdapat di dalam perkataan-perkataan al-Quran. Contohnya, kata kerja **أَنْزَلَ** di dalam ayat berikut:

قُلْ آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْنَا...

*Maksudnya : Katakanlah kami beriman dengan Allah dan apa yang diturunkan kepada kami...(Surah al-Baqarat : 136)*

قُلْ آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلَ عَلَيْنَا ...

Maksudnya : "Katakanlah kami beriman dengan Allah dan apa yang diturunkan ke atas kami"...(Surah āli-Imrān : 84)

Kata kerja أَنْزَلَ yang bermaksud "diturunkan" dalam ayat pertama digabungkan dengan partikel إِلَى manakala ayat kedua digabungkan dengan partikel عَلَى. Rahsia yang terdapat di dalamnya ialah gabungan dengan إِلَى ditujukan kepada umat Islam manakala dengan عَلَى ditujukan kepada Rasulullah s.a.w (Fadl A'bbās: 1991: 190).

Unsur susunan perkataan al-Quran juga menampakkan nilai-nilai l'jāz , ayat-ayat berikut menjelaskan hal tersebut :

السَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا ...

Maksudnya : "Pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah dipotong tangan mereka..." (Surah al-Mā'idah:38)

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِئَةَ جَلْدَةٍ ...

Maksudnya : "Penzina perempuan dan penzina lelaki hendaklah disebat seratus kali..." (Surah al-Nūr:2)

Dalam ayat pertama al-Quran mendahulukan السَّارِقُ (pencuri lelaki) dan

ayat kedua al-Quran mendahulukan الزَّانِيَةُ (penzina perempuan). Ini kerana

kecurian lebih banyak melibatkan kaum lelaki manakala zina puncanya lebih tertumpu kepada kaum perempuan.

#### **Keempat : Dari konteks ilmu al-Ma'ānī**

Sesungguhnya konteks inilah yang benar-benar menzahirkan l'jāz al-Quran. Antara unsur-unsur tersebut ialah :

##### **a. Pendepanan dan pengakhiran (التقديم والتأخير)**

Unsur ini adalah kesinambungan dari teori al-nazm yang dicetuskan oleh Abdul Qāhir al-Jurjānī di mana teori ini adalah perluasan makna terhadap konteks ilmu nahu bahasa Arab. Ayat berikut dapat menjelaskan l'jāz al-Quran dalam unsur ini:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّيَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ...

*Maksudnya : "Dan tatkala Ibrāhīm berkata Tuhanku yang menghidupkan dan mematikan..." (Surah al-Baqaraṭ: 258).*

Di dalam nahu Arab, musnad ilaih (subjek) boleh didepankan atau diakhirkan, tetapi apakah rahsia atau tujuan di sebalik keharusan tersebut?. Apabila dikaji dan dianalisis didapati bahawa pendepanan musnad ilaih membawa

makna yang lebih khusus. Oleh itu penggunaan 'Tuhanku menghidupkan ...' dalam ayat pertama membawa makna penguat bahawa Tuhanku sahaja yang menghidupkan dan mematikan, jika sebaliknya mungkin ada tuhan lain yang bersifat begitu. Antara contoh lain berhubung konteks ini adalah seperti ayat berikut :

قُلْ لِّئِنْ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَى أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ...

Maksudnya: "Katakanlah sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengan dia..." (Surah al-Isrā': 88).

...يَا مَعْشَرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ إِنِ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا

Maksudnya: "Hai jamaah jin dan manusia jika kamu sanggup menembus (melepasi) penjuru langit dan bumi maka lintasilah..." (Surah al-Rahmān: 33).

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: "Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk menyembah aku" (Surah al-Zariyāt: 56).

Ayat pertama didahulukan lafaz "insan" kerana cabaran tersebut lebih tertumpu kepada manusia (tentang kemampuan mencipta ayat yang sama dengan al-Quran ). Ayat kedua didahulukan lafaz "Jin" kerana cabaran untuk menembusi langit dan bumi lebih tertumpu kepada jin, manakala ayat ketiga didahulukan lafaz "jin" kerana jin dicipta lebih dahulu dari manusia (Fadl A'bbās: 1991: 219).



**b. Penguat ( التوكيد )**

Penggunaan partikel penguat di dalam al-Quran amat menepati kaedah ilmu al-ma'ani seperti contoh berikut:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ...

Maksudnya : “Sesungguhnya agama di sisi Tuhan adalah Islam...” (Surah Āli Imrān:19)

Ayat ini menggunakan satu partikal penguat, iaitu إِنَّ kerana pendengar berada dalam situasi ragu-ragu terhadap apa yang disampaikan. Contoh lain seperti :

لَتَبْلُوَنَّ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ ...

Maksudnya : “Kamu akan diuji pada harta dan diri kamu sendiri...” (Surah Āli Imrān:186)

Ayat ini menggunakan dua partikal penguat, iaitu لَا اِلَهَ اِلَّا هُوَ dan نُونُ التَّوَكُّيدِ pada لَتَبْلُوَنَّ kerana pendengar berada dalam keadaan mengingkari kenyataan

yang disampaikan. Contoh yang lain ialah:

ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ ...

Bermaksud: “Kemudian kamu selepas itu akan mati...” (Surah al-Mu`minūn: 15)

Ayat ini menggunakan dua partikel penguat, iaitu **لَا** dan **إِن**.

Sebenarnya hal kematian adalah perkara yang sama sekali tidak boleh diragui dan dingkari oleh manusia. Sepatutnya dua partikel penguat digunakan tatkala kenyataan itu dingkari. Mengapakah dalam ayat di atas al-Quran tetap menggunakan dua partikel penguat walaupun kenyataan tentang kematian tidak ada manusia yang mengingkarinya? Ini bertepatan dengan kaedah ilmu al-Ma'ani, iaitu **خُرُوجُ الْكَلَامِ عَنْ مُقْتَضَى الظَّاهِرِ** yakni "keadaan yang terkeluar dari kaedah asal"

dengan syarat ada sebab yang munasabah. Dalam ayat di atas sebab penggunaan dua partikel penguat bertujuan memberi peringatan atas kelalaian manusia dari mengingati mati.

### c. Pengguguran kata dan ayat ( **لَعَنَ** )

Unsur pengguguran adalah sangat penting di dalam ilmu al-Ma'ani. Di dalam al-Quran kadang kala kita bertemu dengan beberapa ayat yang hampir sama tetapi terdapat pengguguran di dalam salah satunya seperti contoh berikut :

قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَّكَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا

Maksudnya: "...*(Nabi Khidir)* berkata *bukankah aku telah berkata bahawa sesungguhnya kamu (Nabi Musa)* tidak akan sabar bersama denganku *(Surah al-Kahfi: 72)*).

قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَّكَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا

Maksudnya: ...(Nabi Khidir) berkata bukankah aku telah katakana kepadamu bahwa engkau tidak sama sekali akan dapat bersabar denganku” (Surah al-Kahfi: 75).

Kedua-dua ayat di atas hampir sama susunannya, tetapi ayat pertama digugurkan perkataan **لَكَ** . Apakah rahsia pengguguran perkataan **لَكَ** dalam ayat 72 surah al-Kahfi dan sebutannya dalam ayat 75 surah al-Kahfi ? Unsur inilah yang akan menjadi fokus penulis di dalam disertasi ini di mana penulis akan menganalisis kesemua ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur tersebut.

**d: Susunan ayat al-Quran**

Ayat-ayat al-Quran mempunyai huruf dan perkataan yang menarik yang sama sekali tidak dapat diungkap oleh manusia. Susunan tersebut membentuk keringanan dan rentak yang indah tatkala ia dibaca. Ini dapat dibuktikan dari dua sudut samada rentak atau makna, iaitu apabila kita membuang salah satu huruf atau perkataan al-Quran maka ia akan menjadi sumbang dan makna yang sebenar tidak kesampaian. Al-Rāfi'īy (1990: 228) menyatakan "Tidak ada satu huruf atau baris yang diletakkan oleh al-Quran melainkan ia diletakkan di tempat yang amat sesuai dan unik"

Berdasarkan kepada pengamatan penulis contoh berikut dapat menjelaskan konteks di atas. Allah s.w.t berfirman:

رَبُّ الْمَشْرِقَيْنِ وَرَبُّ الْمَغْرِبَيْنِ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

Maksudnya: "Tuhan yang memelihara kedua tempat terbit matahari dan Tuhan yang memelihara kedua tempat terbenamnya. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan" (Surah al-Rahmān: 17-18).

Dalam ayat di atas, jika huruf fā' ( ف ) pada perkataan فَيَاْ digugurkan maka mereka yang membaca ayat di atas pasti akan dapat merasakan suatu bentuk rentak yang sumbang. Ini berbeza apabila huruf fā' dikekalkan dan bacaan akan menjadi lebih indah dan menarik.

**e: Gaya bahasa al-Quran ( اُسْلُوبُ الْقُرْآنِ )**

Gaya bahasa al-Quran amat berbeza dengan gaya bahasa yang lain. Ini dapat diukur dari empat konteks yang utama (Fadl A'bbās:1991:105-109):

- i. Gaya bahasa yang sesuai ditujukan kepada sesiapa sahaja (dari segi asasnya bukan pendetailannya) seperti orang pandai, kurang pandai, jahil, orang awam, ahli bahasa, ahli sains dan lain lain.
- ii. Gaya bahasa yang ditujukan kepada akal dan perasaan.
- iii. Gaya bahasa yang boleh difahami dengan makna ringkas atau detail.
- iv. Gaya bahasa yang mempunyai penggunaan perkataan yang ringkas dengan makna yang lengkap.

Al-Rāfi'iy (1990: 216) menjelaskan "Keunikan gaya bahasa al-Quran serta susunan huruf-hurufnya terbukti apabila ia diperdengarkan kepada sesiapa pun samada orang-orang Arab atau bukan Arab bahkan kepada mereka yang tidak beriman sekalipun pasti hatinya berdetik dan tertarik oleh keindahan gaya bahasa tersebut.

**f. Pemisahan dan penyambungan ayat ( الْفَصْلُ وَالْوَصْلُ ).**

Al-Waṣl merujuk kepada penggunaan huruf wāw ( و ) di dalam ayat.

Huruf wāw tersebut bermaksud "dan" yang berfungsi sebagai partikel A'taf ( عطف ).

Manakala al-Faṣl ialah ayat-ayat yang digugurkan huruf wāw tersebut.

Keunikan al-Quran dalam konteks ini dapat dilihat dari dua segi. Pertama, ketepatan penggunaannya berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang terdapat di dalam ilmu Ma'ānī. Kedua, cara penggunaannya yang tersendiri yang diketengahkan oleh al-Quran. Contohnya seperti ayat berikut:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ...

Maksudnya: " Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia, Raja, yang maha suci, yang maha sejahtera, yang mengumiakan keamanan, yang maha memelihara, yang maha perkasa, yang maha kuasa, yang memiliki segala keagungan...(Surah al-Ḥasyr: 22).

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ....

*Maksudnya: "Dialah yang awal dan yang akhir dan yang zahir dan yang batin.."*  
(Surah al-Hadīd: 3)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang nama-nama Allah s.w.t. Dalam ayat pertama tidak digunakan huruf wāw di antara nama-nama yang dinyatakan. Manakala dalam ayat kedua digunakan huruf wāw. Apabila diamati, ayat kedua menggunakan huruf wāw kerana nama-nama Allah s.w.t di dalam ayat tersebut berlawanan maknanya seperti "Yang awal" dan "Yang akhir", "Yang batin" dan "Yang zahir". Manakala dalam ayat pertama nama-nama Allah di dalamnya tidak berlawanan maknanya. Contoh yang lain seperti berikut:

التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْآمِنُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ

*Maksudnya: "Mereka itu adalah orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang melawat, yang ruku', yang sujud, yang menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah membuat mungkar..."* (Surah al-Taubat: 112).

Ayat di atas menerangkan tentang sifat-sifat orang-orang yang beriman seperti bertaubat, sujud kepada Allah dan lain-lain. Apabila diamati kandungan ayat di atas, sifat-sifat yang mempunyai makna berlawanan disambungkan dengan huruf wāw seperti "yang menyuruh berbuat ma'rūf dan yang mencegah membuat mungkar". Manakala sifat-sifat lain yang tidak mempunyai makna berlawanan tidak disambungkan dengan huruf waw.

#### g. Pengkhususan ( الْقَصْرُ )

Al-Qaṣr ( الْقَصْرُ ) bermaksud mengkhususkan sesuatu daripada sesuatu

yang lain dengan menggunakan partikel-partikel tertentu seperti *إِنَّمَا...إِلَّا* dan

lain-lain. Contoh al-Qaṣr seperti berikut:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara" (Surah al-Hujurat: 10).

Kewujudan partikel *إِنَّمَا* menjadikan maksud sebenar ayat di atas seperti

berikut: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu dikhususkan bagi mereka sifat bersaudara sesama mereka".

Keunikan al-Quran dalam konteks ini ialah kesesuaian ayat yang dimasukkan partikel al-Qaṣr. Kesesuaian tersebut melahirkan makna yang tepat dan mendalam seperti contoh berikut:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang memakmurkan masjid itu ialah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat" (Surah al-Taubah: 18)

Ayat di atas didahulukan objek (مَسَاجِدَ اللَّهِ) daripada pelaku

(مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ) dan disertakan dengan partikel al-Qaṣr, iaitu *إِنَّمَا*. Ini

menghasilkan makna yang tepat dan mendalam. Makna yang mendalam yang difahami dari ayat di atas ialah tugas memakmurkan masjid adalah dikhususkan kepada mereka yang benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, bukan kepada yang selain dari mereka.

**h: Pemanjangan ( الإِطْنَابُ )**

Al-Quran dalam beberapa keadaan mengenengahkan bahasa yang agak panjang seperti mengulang beberapa ungkapan yang dibincangkan. Konteks ini dinamakan al-Itnāb. Jika dilihat kepada aspek pengulangan pada pandangan ahli retorik Arab, ia bertujuan untuk menguatkan kata-kata tetapi sebahagian besar ahli tafsir berpendapat ia bukan sahaja untuk menguatkan kata-kata bahkan lebih dari itu ia mempunyai makna yang mendalam (Faḍl A'bbās: 1991: 229). Contohnya di dalam surah al-Kāfirūn diulang ayat berikut sebanyak dua kali:

وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ

*Maksudnya : "Dan kamu semua tidak menyembah apa yang aku sembah " (Surah al-Kāfirūn : ayat 3 dan 5).*

Setelah diteliti makna surah keseluruhannya dan tujuan pengulangan tersebut didapati bahawa ayat pertama berupa dakwaan, iaitu dakwaan Nabi s.a.w bahawa Baginda tidak menyembah apa yang disembah oleh orang-orang Jahiliah. Manakala ayat kedua adalah bukti kenapa Nabi s.a.w tidak menyembah berhala, iaitu kalaulah sebelum diangkat menjadi Nabi aku tidak menyembah berhala bagaimana aku akan menyembahnya selepas aku diangkat menjadi nabi.



2.4.2 l'jāz dari segi perundangan ( الإِعْجَازُ التَّشْرِيعِيُّ )

Lengkapnya perundangan Islam merujuk kepada lengkapnya sistem perundangan yang diutarakan oleh al-Quran. Perundangan al-Quran meliputi segenap aspek kehidupan manusia samada yang bersifat individu, masyarakat dan negara. Justeru itu, al-Quran mengarahkan kita beramal dengannya secara menyeluruh dalam ayat yang berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً ...

Maksudnya : "Wahai orang-orang yang beriman masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya..." (Surah al-Baqarat: 208 ).

Sesungguhnya al-Quran yang menyatakan satu perundangan yang lengkap dari segala aspek kehidupan manusia adalah satu keunikan yang tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak.

2.4.3 l'jāz dari segi gambaran keindahan ( التَّصَوُّرُ الْفَنِّي )

Gambaran keindahan ini merujuk kepada perkhabaran al-Quran itu dilihat sebagai suatu gambaran yang indah yang dapat diimplimentasikan secara zahir. Ia dipelopori oleh Syed Qutub di dalam kitab Fi Zīlāl al- Quran. Contohnya, gambaran yang terdapat dalam ayat berikut:

وَ اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَ كُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا ...

Maksudnya : *"Dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa jahiliyah) bermusuh-musuhan maka Allah mempersatukan hatimu lalu menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang yang bersaudara dan kamu telah berada di tepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu..."* (Surah āli-Imrān: 103).

Makna ayat ini digambarkan seolah-olah ia berlaku di depan mata bagaimana keadaan mereka yang berada di neraka yang hampir jatuh ke dalamnya tiba-tiba muncul sesuatu yang menyelamatkan mereka.

#### 2.4.4 I'jāz dari segi perkhabaran silam dan akan datang

Antara keunikan yang terdapat di dalam al-Quran adalah perkhabaran silam seperti kisah para nabi. Begitu juga peristiwa-peristiwa lampau seperti kisah taufan yang menimpa kaum Nabi Nūh a.s seperti yang diceritakan oleh al-Quran dalam ayat berikut:

وَهِيَ تَجْرِيهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ وَ نَادَى نُوحُ ابْنَهُ وَ كَانَ فِي مَعْزِلٍ يَبْنِي أَرْكَبَ مَعَنَا وَ لَا تَكُنْ مَعَ  
الْكَافِرِينَ

Maksudnya: *"Dan bahtera itu belayar membawa mereka dalam gelombang laksana gunung dan Nūh memanggil anaknya sedang anak itu berada di tempat yang jauh terpencil: hai anakku naiklah ke kapal bersama kami dan janganlah kamu berada bersama orang-orang yang kafir* (Surah Hūd: 42).

Peristiwa-peristiwa silam yang dikhabarkan oleh al-Quran menjadi salah satu sumber rujukan yang utama kepada para pengkaji sejarah silam. Ini kerana sebahagian peristiwa-peristiwa tersebut masih meninggalkan kesan.

Di samping itu, peristiwa akan datang yang diceritakan oleh al-Quran seperti berita keruntuhan kerajaan Rom di zaman Rasulullah s.a.w. Allah s.w.t menurunkan wahyu kepada Baginda memberitahunya tentang kerajaan Rom yang akan ditewaskan oleh tentera Parsi. Dan selepas itu kerajaan Rom akan kembali menewaskan kerajaan Parsi tersebut. Ini dijelaskan oleh al-Quran dalam ayat-ayat berikut:

غُلِبَتِ الرُّومُ  
فِي أَدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ غَلِبِهِمْ سَيَغْلِبُونَ

*Maksudnya : "Telah dikalahkan bangsa Rūm di negeri yang terdekat dan mereka sesudah dikalahkan itu akan menang" (Surah al-Rūm: 2-3)*

Selain dari itu, banyak perkhabaran akan datang yang telah diisyaratkan oleh al-Quran seperti peristiwa hari kebangkitan mahupun teori- teori saintifik masa kini.

#### 2.4.5 Al-I'jāz Al-Nafsiy (الْإِعْجَازُ النَّفْسِيُّ)

Antara keunikan al-Quran ialah al-Quran memberi kesan kepada jiwa orang yang membacanya samada ia memahami apa yang dibaca atau sebaliknya. Ini dapat dibuktikan dengan ketenangan jiwa yang dirasakan apabila seseorang itu membaca al-Quran. Kesan bacaan al-Quran terhadap jiwa pembaca dan

pendengar dapat dirasai apabila mereka membaca dengan mengikut hukum bacaan yang betul dan tepat. Ini menjadikan mereka berasa tenang dan damai.

Ketinggian retorik al-Quran dan susunan bahasa yang unik antara sebab kepada hal tersebut di samping sifat al-Quran yang mempunyai nilai rohani yang datang dari Tuhan yang maha berkuasa.(Ṣalāḥ al-Khālidiy: 1992: 331)

Penulis berpendapat l'jāz nafsīy di dalam al-Quran juga merangkumi aspek perubatan. Ayat-ayat al-Quran digunakan untuk merawat beberapa jenis penyakit, antaranya penyakit gangguan makhluk halus, penyakit jiwa di samping penyakit-penyakit fizikal yang lain. Ini telah dibuktikan oleh ujikaji-ujikaji yang dijalankan. Al-Quran sendiri menjelaskan dalam beberapa ayat tentang sifatnya sebagai penyembuh kepada penyakit. Firman Allah s.w.t:

قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ آمَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ

Maksudnya: "Al-Quran itu adalah petunjuk dan penawar bagi orang-orang yang beriman" (Surah al-Fuṣṣilat: 44).

2.4.6 Al-l'jāz Al-A'dadiy ( الأَعْجَازُ الْعَدَدِيَّةُ )

Keunikan ini merujuk kepada beberapa aspek bilangan yang dicetuskan oleh cendekiawan masa kini. Al-l'jāz al-A'dadiy atau l'jāz bilangan adalah antara unsur l'jāz terbaru yang ditemui.

Antara aspek bilangan tersebut adalah bilangan perkataan yang berlawanan yang sama banyak seperti perkataan iman ( اِيْمَانٌ ) dan kufur ( كُفْرٌ ) di mana bilangan kedua-dua perkataan tersebut adalah sama banyak . Begitu juga perkataan-perkataan seperti dunia ( دُنْيَا ) dan akhirat ( اٰخِرَةُ ), kehidupan ( حَيَاةٌ ) dan kematian ( مَوْتٌ ) dan lain lain.(Ṣalāḥ al-Khālidiy :1992: 361)

### 2.4.7 Al-I'jāz Al-Ilmiy ( الْاِعْجَازُ الْعِلْمِيّ )

Al-I'jāz al-Ilmiy ialah keunikan ayat-ayat al-Quran yang mengisyaratkan tentang sesuatu perkara yang apabila ditafsirkan secara saintifik adalah bertepatan dan tidak bercanggah. Bahkan al-Quran telah mengisyaratkan lebih awal tentang beberapa teori saintifik sebelum ia ditemui oleh ahli-ahli sains. Ini melibatkan semua jenis ilmu sains seperti perubatan, fizik, geografi dan lain-lain. (Fadl Abbās: 1991: 245) Contohnya bagaimana al-Quran mengisyaratkan tentang teori bumi ini bergerak tidak statik . Dalam ayat 88 surah al-Naml Allah berfirman :

وَتَرَى الْجِبَالَ تَحْسِبُهَا جَمْدًا وَهِيَ كَالْعِثَابِ الْمُرْنِ

Maksudnya : *“Dan engkau melihat bukit bukau dan kamu menganggapnya statik dan ia sebenarnya bergerak seperti bergeraknya awan”.*(Surah al-Naml:88)

Al-Quran menyatakan bahawa gunung yang kamu lihat seolah-olah tidak bergerak itu sebenarnya bergerak sepertimana kamu melihat awan bergerak. Pergerakan gunung itu disebabkan oleh pergerakan bumi.

#### **2.4.8 I'jāz dari segi cara bacaan dan pengumpulan al-Quran.**

Al-Quran al-Karim mempunyai cara bacaan yang unik. Cara bacaan al-Quran adalah tauqīfīy, yakni ianya ditentukan sendiri oleh Rasulullah s.a.w berdasarkan wahyu yang diterima oleh Baginda. Ilmu yang membincangkan tentang kaedah pembacaan al-Quran ialah ilmu tajwid. Ilmu tajwid memastikan al-Quran dibaca dengan tepat, indah dan unik.

Al-Quran yang sampai kepada kita hari ini telah melalui sejarah pengumpulannya yang unik. Akal yang waras pasti menyatakan bahawa tiada keraguan di dalam proses pengumpulan dan penyusunan al-Quran. Proses tersebut bermula dari cara penurunannya kepada Rasulullah s.a.w seterusnya, penyampaian Baginda kepada para sahabat. Diikuti dengan penulisan para sahabat di atas pelepah tamar dan kulit-kulit kayu. Di zaman Abu Bakar r.a ia dikumpul oleh para panel yang berwibawa seperti Zaid bin Thābit. Zaid r.a telah meletakkan syarat yang begitu ketat kepada para sahabat yang ingin menyumbang ke arah pengumpulan al-Quran tersebut. Di zaman Uthmaniy r.a al-Quran diselaraskan penulisan nya yang dikenali sebagai Maṣḥaf Uthmani. Seterusnya pelbagai kemudahan diusahakan seperti baris, tanda bacaan dan lain-lain sehingga ia sampai kepada kita pada hari ini (Al-Zarqānīy: 1998: 173 / Al-Rāfi'iy: 1990: 33).

## 2.4 Penutup

Perbincangan yang telah diutarakan di dalam bab kedua ini bertujuan untuk mewujudkan kesinambungan di dalam tajuk ini. Sesungguhnya tajuk l'jāz amat luas skop perbincangannya. Apa yang telah diutarakan oleh penulis hanyalah perkara-perkara umum berhubung l'jāz al-Quran. Dari perbincangan secara ringkas tentang l'jāz al-Quran dapatlah difahami maksud sebenar l'jāz al-Quran. Ini membolehkan kita memahami dengan lebih jelas berhubung tajuk sebenar yang akan dibincangkan dalam disertasi ini.